



BINA PURI HOLDINGS BHD

PRESS RELEASE

Utusan Online
KORPORATE

Bina Puri dapat kontrak RM81 juta di Thailand

KUALA LUMPUR 11 Jun - Bina Puri Holdings Bhd., melalui unitnya Bina Puri (Thailand) Ltd., telah dianugerahkan kontrak bernilai RM81 juta daripada S&S Sukhumvit Co. Ltd., membina dua blok bangunan kondominium di Bangkok.

Bina Puri dalam satu kenyataannya di sini berkata, kontrak tersebut melibatkan syarikat usahasama Bina Puri (Thailand) Ltd - Dimara (Thailand) Ltd.

Projek berkenaan membabitkan pembinaan bangunan blok 18 tingkat berkapasiti 415 unit rumah dan blok bangunan 22 tingkat berkapasiti 395 unit rumah. Kerja pembinaan dijangka bermula pada suku ketiga tahun 2008 dan dijangka berakhir pada Disember 2010. Bina Puri berkata, kontrak tersebut akan mengukuhkan lagi kedudukan syarikatnya, khususnya di Thailand.

Menurut kumpulan itu, ia telah melibatkan diri dalam sektor pembinaan di Thailand sejak tahun 2003 dengan mengambil alih projek membina 40,000 unit rumah kos rendah dan kondominium bernilai RM 1.65 bilion.

Bina Puri yakin mencatatkan pertumbuhan yang kompetitif pada tahun ini dengan pertambahan jumlah kontrak yang bernilai RM2 bilion pada tahun ini berbanding RM1.6 bilion tahun 2006

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my